

DATE: 07/cu/2008

Tun sedih dianggap pecah-belah UMNO

Sinar Harian - 7/4/2008

Tun berkata, gerakan gergasi harus bermula dari peringkat cawangan bagi mengembalikan semula maruah dan perjuangan UMNO selama ini.

■ SHARIFAH AZMAWATI SYED
ABDUL AZIZ DAN KASTHURI
JEEVENDRAN

KUALA LUMPUR - "Saya hendak bercakap mengenai teguran dan banyak serangan terhadap saya. Saya tidak tahu kenapa tetapi mesti ada arahan orang tertentu.

"Teguran bertumpu kepada peranan saya dalam memecahkan UMNO, siapa yang di antara mereka yang membuat teguran ini?"

Demikian jelas mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita dalam majlis 'Fikir-Fikirkan Bersama Tun' anjuran UMNO cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka Bahagian Pandan, semalam.

Lebih 5 ribu penyokong dan ahli UMNO hadir pada majlis berkenaan anjuran UMNO cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka Bahagian Pandan. Majlis berkenaan dipeperusikan oleh Tuan Syed Saifuddin Syed Harman dan bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid kelihatan turut hadir memberikan sokongan.

Tambahnya beliau sedih kerana ada anggapan pihak tertentu yang menyatakan beliaulah yang memecahkan UMNO.

Dalam masa lebih sejam setengah itu Tun menjelaskan banyak perkara termasuk usahanya untuk menyatukan kembali UMNO agar lebih kuat.

Tun berkata, gerakan gergasi harus bermula dari peringkat cawangan bagi mengembalikan semula maruah

dan perjuangan UMNO selama ini.

Mengulas mengenai undi yang beralih kepada parti lawan, Tun turut menegaskan, mereka bukan sayang kepada parti lawan tetapi untuk menghantar satu mesej kepada kepimpinan sekarang supaya segera melakukan perubahan dalam kepimpinan.

"Tidak mungkin parti lawan akan menang dengan banyak undian, kalau bukan orang UMNO sendiri mengundi parti lawan kerana mereka sudah sangat kecewa," katanya.

"Sudah lima kali saya memimpin parti UMNO dalam pilihan raya, adakah UMNO kalah? Adakah UMNO kehilangan negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Selangor?"

"Kita tahu apa yang berlaku pada pilihanraya umum 2008, berbeza sama sekali dan kalau hendak diperbandingkan kita boleh bandingkan pada tahun 1969.

"Pada tahun 1969, kita tidak dapat 2/3 mandat, tetapi sebelum dan selepas daripada itu kita dapat 2/3 mandat juga. Barisan Nasional (BN) kehilangan sedikit undi tetapi BN dapat 2/3 undi pada tahun 1999," jelasnya lagi.

Tun turut mengulas mengenai jumlah undi yang semakin berkurangan pada BN. "Jumlah pengundi yang hilang dari BN adalah hampir sama jumlah undi yang dimenangi oleh parti lawan. Ini bermakna ada pemindahan dari BN kepada parti lawan.

Tun turut memberi ingatan sekiranya UMNO tidak dipulihkan semula, UMNO akan semakin teruk.

"Sebagai contoh kalau sakit diabetes, kena potong kaki kerana kita mahu menyelamatkan anggota yang lain daripada dijangkit.

"Bila kita buat keputusan nampak tidak baik tetapi tuju-



Kemunculan Dr Mahathir mendapat sambutan hangat ketika tiba di majlis 'Fikir-Fikirkan Bersama Mahathir' anjuran UMNO Cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka di Hotel De Palma Ampang, semalam.

annya baik, Insya-Allah dapat pulih semula, dan Insya-Allah UMNO akan menjadi lebih kuat. Kalau kita tidak membuang bahagian reput tersebut, saya yakin UMNO tidak akan pulih," katanya.

Lantaran itu, Tun menyatakan yang boleh membetulkan perkara yang salah ini ialah orang UMNO yang berani.

Di samping itu, beliau juga meminta supaya ahli UMNO bersatu padu untuk tidak membuat keburukan sebaliknya bersatu padu untuk kebaikan. Mengenai sistem kuota pula, beliau berkata, sistem itu harus dihapuskan sekarang kerana percaturan kepentingannya adalah amat berbeza berbanding sistem kuota yang digunakan pada masa dulu.

"Sistem kuota ini boleh dibeli oleh mereka yang kaya pada masa sekarang," jelasnya.



Dr Mahathir bergambar bersama sebahagian tetamu yang hadir dalam majlis itu.